

JEMPUTAN REQUEST FOR INFORMATION (RFI)

CADANGAN PEROLEHAN DAN PELAKSANAAN PENYELESAIAN E-INVOICING MIDDLEWARE UNTUK KUMPULAN SYARIKAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkecualan untuk menyertai proses Request for Information (RFI) bagi cadangan penyelesaian E-Invoicing Middleware dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

KRITERIA MANDATORI

1. **Status Pendaftaran:** Berdaftar secara sah dengan SSM.
2. **Pengalaman Teknikal:** Mempunyai kepakaran dalam integrasi sistem ERP atau perakaunan.
3. **Kesiapsiagaan LHDN:** Memahami garis panduan e-Invois dan struktur data SDK LHDN.
4. **Keupayaan Data:** Mampu mengurus fail XML atau JSON dengan selamat serta menghantar e-Invois melalui emel kepada pihak berkaitan.
5. **Keupayaan API:** Berpengalaman membangunkan dan mengintegrasikan REST API, termasuk pengesahan akses, penghantaran data, pengesahan e-Invois dan semakan status e-Invois.
6. **Keselamatan Data:** Menyediakan kawalan keselamatan untuk penghantaran, penyimpanan dan pemprosesan data kewangan serta pembayar cukai.
7. **Sokongan & Penyelenggaraan:** Mempunyai pasukan sokongan teknikal dan menyediakan SLA selepas Go-Live.
8. **Pengalaman Projek:** Mempunyai pengalaman melaksanakan atau mengendalikan projek e-Invoicing atau integrasi LHDN.

1. Skop pelaksanaan E-Invoicing adalah merangkumi, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut, tertakluk kepada keperluan semasa LHDN/IRBM:

SKOP KERJA

1. **Penilaian Sistem:** Menilai keserasian sistem PNB dengan Middleware serta memadamkan data daripada sistem sumber bagi memenuhi format dan keperluan e-Invois LHDN.
2. **Pembangunan API:** Menyediakan pelan integrasi e-Invois sama ada melalui Direct API atau Middleware.
3. **Ujian Pengesahan:** Melaksanakan ujian penghantaran e-Invois di Sandbox LHDN, menguji penghantaran emel transaksi kepada pengguna, serta menyediakan fungsi Project Manager untuk pemantauan status, penjejakan isu dan laporan kemajuan ujian.
4. **Sokongan Operasi:** Menyediakan pelan mitigasi ralat dan sokongan penyelenggaraan selepas pelaksanaan.

2. PENDAFTARAN HASRAT

Syarikat yang ingin menyertai proses RFI WAJIB menyatakan hasrat melalui emel ke najib@pnb.com.my dan procurement@pnb.com.my dengan menyatakan juga nombor ID Ariba Network (ANID) PNB bermula pada 09 September 2026 sehingga 18 September 2026, pada atau sebelum jam 5.00 petang. Manakala mana-mana syarikat yang belum berdaftar dalam sistem SAP Ariba PNB perlu berbuat demikian. Semua pendaftaran syarikat dalam SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di <https://www.pnb.com.my/ms/e-perolehan-ms> atau www.pnb.com.my.

3. PENYERAHAN MAKLUMAT RFI MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB

Semua maklumat dan proses RFI termasuk jemputan, dokumen RFI dan penyerahan maklumat RFI akan menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta menghadiri taklimat dan mengikut syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai proses RFI.



4. PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses RFI ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.
5. PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat ketika menyediakan dan menyerahkan maklumat RFI ini. Syarikat Bumiputera digalakkan memohon.
6. Syarikat juga boleh merujuk kepada laman web PNB di www.pnb.com.my berkaitan maklumat jemputan RFI ini.

